



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 1 TAHUN 2016**

**KEBENARAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN DAN PEMANDU
KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI DAN TEKSI
LAPANGAN TERBANG MENGAMBIL PENUMPANG SECARA
TEMPAHAN MELALUI PEMANDU**

TARIKH: 1 April 2016

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali berlesen dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi yang beroperasi di Lembah Klang (“Pengendali dan Pemandu Teksi”) dan semua pengendali berlesen dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi lapangan terbang KLIA dan Klia2 (“Pengendali dan Pemandu Teksi Lapangan Terbang”) berkenaan kebenaran untuk mengambil penumpang secara Tempahan Melalui Pemandu (TMP) di KLIA dan Klia2.

2. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2.1 Pengendali dan Pemandu Teksi dan Teksi Lapangan Terbang adalah dibenarkan mengambil penumpang di KLIA dan klia2 secara TMP tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

2.1.1 Kebenaran hanya diberikan kepada Pengendali dan Pemandu yang mempunyai kenderaan dengan had usia lima (5) tahun dan kebawah sahaja.

2.1.2 Hendaklah berdaftar dengan ‘*Queue Manager*’ yang dilantik oleh pengendali terminal KLIA dan klia2 bagi mengendalikan teksi di KLIA dan klia2.

- 2.1.3 peraturan-peraturan berkenaan TMP yang ditetapkan oleh '*Queue Manager*' dan pengendali terminal yang telah diluluskan oleh S.P.A.D. hendaklah dipatuhi selagi ianya tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang Pengangkutan Awam Darat.
- 2.1.4 Sekiranya pengendali dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam yang terbabit didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, tindakan yang sewajarnya boleh diambil oleh '*Queue Manager*' dan pengendali terminal termasuk untuk tidak membenarkan pengendali berlesen dan pemandu tersebut untuk menyertai TMP.
- 2.2 Pematuhan kepada perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 2.1 adalah dijadikan syarat am lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi yang beroperasi di lembah kelang dan kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi lapangan terbang KLIA dan Klia2.
- 2.3 Kadar tambang yang dikenakan kepada penumpang hendaklah mengikut kadar tambang yang telah ditetapkan oleh Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 berhubung dengan suatu perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam tersebut.

3. PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai bagi semua pengendali berlesen dan pemandu kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi yang beroperasi Lembah Klang dan teksi lapangan terbang yang beroperasi di KLIA dan klia2.

4. TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 April 2016.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat